

06 JAN 2003

Mahathir-Puas

PERDANA MENTERI PUAS HATI KUALITI KHIDMAT AWAM

KUALA LUMPUR, 6 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau melihat perubahan besar dari segi kualiti perkhidmatan awam setelah 21 tahun menerajui pemerintahan negara.

"Saya tidak pernah berpuas hati dengan apa-apa bagaimanapun saya agak berpuashati dengan standard mereka, kemajuan dan kualiti. Kalau tidak Malaysia tidak akan jadi maju macam ni," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas berucap di Majlis Perdana Perkhidmatan Keempat (MAPPA IV) dan Majlis Perasmian Bangunan Pusat Pengurusan Teknologi (IMATEC) di Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) hari ini.

"Perkhidmatan awam selalu meningkatkan prestasi dan kecekapan sepanjang masa. Kalau kita nampak ada mana mana bidang yang perlu diberi perhatian, kita akan secara spesifik bertindak mempertingkatkaninya.

"Memang ada birokrasi di mana-mana. Walaupun ada di Malaysia tetapi tidak seburuk negara lain. Di England, kelulusan memperbaiki rumah memakan masa dua tahun dan projek sehingga 13 tahun," kata Perdana Menteri.

Mengambil contoh pembinaan terminal kelima di Heathrow Airport, Dr Mahathir berkata ia telah mengambil masa 14 tahun. "Kita tidaklah teruk macam tu. Kita agak efisien," katanya.

Mengenai tragedi pelanggaran kapal kontena ANL Indonesia dengan kapal anti kapal selam, RSS Courageous, milik tentera laut Singapura, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak fikir ia boleh dielakkan dan memang ada kapal melanggar."

"Tetapi satu daripada masalah kapal kontena besar yang membawa 6,000 unit yang bersamaan 20 kaki (TEUS) dan belayar pada kelajuan 21 knot, apabila ia perlu berpusing untuk mengelakkan sesuatu, ia mengambil masa yang lama, macam itulah pelanggaran berlaku," katanya.

Menurut pendapat beliau, kapal-kapal di laut harus mengekalkan jarak antara satu sama lain. Kapten kedua-dua kapal sepatutnya senantiasanya mengawasi skrin radar.

Menjawab soalan berkaitan isu "forward defense", (pertahanan hadapan) Dr Mahathir berkata Malaysia tidak pernah berniat untuk berperang dengan mana-mana negara.

"Kita tidak (melancarkan perang) bagaimanapun akhbar yang terus-terusan bertanya. Kami perlu menjawabnya dan saya tak kata Malaysia nak berperang," jelas beliau.

-- BERNAMA

MFZ AHH RON